

GURAUAN BERUNSUR DUSTA DITEGAH ISLAM

Oleh: Nurul Syifa Athira binti Azhar, 1171799,
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)

Disiarkan pada 23 Ogos 2020



Setiap perkara yang dicipta mempunyai kelebihan dan kekurangan, ada baik dan buruknya. Namun, sesuatu perkara itu tidak boleh dilakukan sewenang-wenangnya dan perlulah bersesuaian pada tempatnya.

Secara teorinya, usikan atau *prank* bermaksud kejutan atau helah yang dimainkan oleh seseorang untuk membuatkan mereka kelihatan bodoh dan menghiburkan orang lain.

Sering juga dikaitkan dengan tradisi April Fool yang disambut setiap 1 April. Tradisi ini disambut oleh masyarakat sejak abad ke-18.

Tradisi ini pada mulanya hanya gurauan semata-mata namun, semakin lama ia mendatangkan keburukan apabila rakyat Malaysia terutamanya sering melakukannya secara berlebihan.

Baru-baru ini, tular dalam YouTube tentang kisah seorang perempuan yang didakwa berlaku curang terhadap teman lelakinya.

Seorang lelaki telah mengupah beberapa orang kawan lelakinya untuk melakukan kejutan atau helah terhadap teman wanitanya dengan menawarkan wang sebanyak RM20,000 dan pekerjaan dengan syarat wanita tersebut rela untuk menjalinkan hubungan dengan lelaki lain.

Tujuan lelaki tersebut melakukan hal itu adalah untuk menguji kesetiaan teman wanitanya dan ingin mengetahui bahawa adakah wanita itu seorang 'pisau cukur' atau tidak.

Namun, lelaki itu marah dan kecewa kerana teman wanitanya telah menerima tawaran tersebut. Apa yang berlaku dalam rakaman video berdurasi 55 minit 28 saat itu menjadi buah mulut netizen.

Ramai netizen yang memberikan kata-kata semangat dan mempertahankan serta menyokong perbuatan wanita tersebut kerana dia dalam situasi yang tersepit kerana tidak bekerja.

Walau bagaimanapun, tidak kurang juga netizen yang mengecam wanita terbabit dengan melabelkannya sebagai pisau cukur.

Segala insiden yang berlaku dalam video tersebut sebenarnya adalah tidak benar dan bertujuan untuk mengusik.

Walau apa pun tujuannya, perbuatan tersebut dilarang sama sekali dalam Islam dan haram hukumnya sekiranya membawa kemudaratan kepada orang lain.

Melalui hadis yang diriwayatkan oleh Imam Al-Tirmidhi, Rasulullah SAW bersabda, "Celakalah seseorang yang berbicara dengan suatu perbicaraan untuk menjadikan orang ramai ketawa sedangkan beliau berdusta. Celakalah dia, celakalah dia."

Hadis ini telah menyebut tentang larangan berdusta walaupun sekadar gurauan. Sebagai manusia yang diberi akal dan fikiran yang waras, berfikirilah sebaik mungkin sebelum melakukan sesuatu walaupun niat pada mulanya hanya untuk mengusik atau bergurau.

Setiap gurauan mempunyai batasan dan tidak boleh dilakukan secara berlebihan kerana kesannya nanti akan memakan diri sendiri.

